

<b>Headline</b>	<b>Detik perhitungan hebat THT, KLHC</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Feb 2017</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Page No</b>	<b>54</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>228 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>MUHAMMAD ZAKWAN</b>
<b>PR Value</b>	<b>PHP 23,732</b>		



# Detik perhitungan hebat THT, KLHC

MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY

**KELAB** Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dan Pasukan Hoki Terengganu(THT)akanmem-buat perhitungan siapa lebih layak menjuarai Liga Premier TNB musim ini apabila mereka dijadualkan bertemu dalam perlawanan terakhir liga, hari ini.

KLH yang turun menentang UniKL kelmarin mudah menundukkan pasukan itu 3-1 dan THT membenam Maybank 5-2.

Ia sekali gus menyaksikan KLHC menduduki tangga kedua dengan mengumpul 33 mata, berkongsi mata dengan THT, tetapi dipisahkan jari-nangan gol.

Ketua Jurulatih KLHC,

Muhammad Harun Al Rashid Samri jelas sedar pentingnya perlawanan terakhir ini dan jika berjaya menang, ia bakal menoktahkan kehebatan THT yang telah muncul juara tiga musim berturut-turut.

"Ini peluang terbaik kami muncul juara. Tetapi kami sedar keupayaan THT yang memiliki pemain hebat.

"Jadi, apa yang penting ialah pemain memberikan yang terbaik dan hanya kemenangan yang menjadi tumpuan saya," katanya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih THT, Sarjit Singh sudah menyangka kejuaraan liga kali ini ditentukan pada perlawanan terakhir liga.

Malah, Sarjit melihat KLHC cukup bersedia dan



Pemain THT akan berhadapan KLHC bagi menentukan kejuaraan liga hari ini.

menjadi antara pencabar terkuat mereka musim ini.

"Walaupun kami mensarankan untuk sah kejuaraan lebih awal, malangnya kami kehilangan empat mata selepas seri bertemu Tenaga

Nasional Berhad (TNB) dan UniKL di tempat mereka.

"Kejuaraan pertama musim ini sudah berada di depan mata, kami harus ambil kesempatan ini untuk cari kemenangan," katanya.